





JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP.PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN MAKLUMAT

1 daripada 17

# POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

PERKARA	Disediakan Oleh:	Disemak Oleh:	Diluluskan Oleh:
TANDATANGAN			
NAMA	DATO' MOHD NORDIN BIN SAMAH	TN. ZULKIFLI BIN RASHID	YB. DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR
JAWATAN	PENYELARAS JK ABMS	PENGARAH JHEAIPP	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TARIKH	<b>03 JAN 2023</b>	<b>03 JAN 2023</b>	

Tarikh: 01 Januari 2023

Keluaran: 01

Pinduan: 00

DOKUMEN KAWALAN



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

**JHEAIPP.PP. PWB-09**

**POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT**

**2 daripada 17**

**REKOD PINDAAN**

<b>Bil</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>Tarikh Pindaan</b>	<b>Keterangan Ringkas</b>	<b>No. Prosedur/ Mukasurat Terlibat</b>	<b>Pegawai Yang Meluluskan</b>

Tarikh: 1 Januari 2023

Keluaran: 01

Pindaan: 00

**DOKUMEN KAWALAN**



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

**JHEAIPP.PP. PWB-09**

**POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT**

**3 daripada 17**

**KANDUNGAN**

1. Pengenalan	4
2. Tujuan	6
3. Siapa Yang Boleh Membuat Pendedahan	7
4. Apa Yang Boleh Didedahkan	7
5. Bila Dan Bagaimana Pendedahan Dibuat	8
6. Prosedur	8
7. Perlindungan	13
8. Rujukan	15
9. Carta Aliran — Jadual 1	16



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

4 daripada 17

### 1. PENGENALAN

- 1.1 *Whistleblowing* merupakan satu kaedah di mana pendedahan dibuat oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan oleh warga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan bahagian-bahagian di bawah JHEAIPP.
- 1.2 Polisi *Whistleblowing* (seterusnya akan dirujuk sebagai "Polisi ini") mampu bertindak sebagai sebuah sistem pemberitahuan maklumat yang dapat menyumbang kepada sebuah organisasi yang lebih efektif dan efisien.
- 1.3 Polisi ini bertujuan untuk membolehkan warga JHEAIPP/bahagian di bawah JHEAIPP, mana-mana penjawat awam (bukan warga JHEAIPP/bahagian di bawah JHEAIPP) dan orang awam (seterusnya dirujuk sebagai "Pemberi Maklumat") untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku dari peringkat awal kepada seseorang yang telah dilantik oleh JHEAIPP tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindak balas agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.
- 1.4 Pada masa yang sama, Polisi ini juga akan memastikan setiap individu menggunakan hak mereka (untuk membuat pendedahan) secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki akan sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku.
- 1.5 Polisi ini berpandukan kepada prinsip-prinsip di bawah:

Tarikh: 1 Januari 2023

Keluaran: 01

Pindaan: 00

**DOKUMEN KAWALAN**



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

5 daripada 17

- 1.5.1** JHEAIPP komited kepada nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam mengendalikan urusan rasminya. Kesalahan seperti penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau perlu dilaporkan mengikut mekanisma dalaman.
- 1.5.2** Pelaksanaan Polisi ini dapat memastikan integriti dan profesionalisme warga JHEAIPP berada di tahap yang membanggakan. Sebarang salah laku boleh didedahkan oleh mana-mana individu yang mana ianya akan bertindak sebagai sistem amaran awal untuk mengenal pasti masalah atau menjangka situasi yang boleh menjejaskan JHEAIPP. Ia juga membolehkan JHEAIPP lebih bersedia menguruskan risiko dan perkara di luar jangkaan termasuk bagi memastikan masalah dan salah laku yang sama tidak berulang di masa hadapan.
- 1.5.3** JHEAIPP menggalakkan komunikasi terbuka dan budaya kerja yang jujur dengan mewujudkan prosedur - prosedur dalaman untuk menangani sebarang masalah. Polisi ini menjadi pelengkap kepada saluran aduan sedia ada di JHEAIPP. Ia adalah suatu kaedah alternatif untuk warga JHEAIPP/bahagian di bawah JHEAIPP memberi maklumat sekiranya saluran aduan sedia ada tidak boleh digunakan apabila aduan adalah berkenaan penyelia terdekatnya atau ketua bahagian.
- 1.5.4** JHEAIPP menggalakkan warganya untuk mencapai tahap etika dan pematuhan undang-undang yang tinggi. Polisi ini menunjukkan komitmen JHEAIPP dan warganya dalam mencapai tahap tersebut. Mengintegrasikan polisi ini ke dalam amalan dan budaya kerja membantu untuk menghalang penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan dan kesilapan pengurusan. Melalui pelaksanaan polisi ini secara efektif JHEAIPP dapat mengekalkan integriti dan bersedia berhadapan dengan persepsi dan penelitian awam. Ini seterusnya mempertingkatkan dan membina kredibiliti JHEAIPP sebagai peneraju hal ehwal Islam dan pentadbiran Islam dalam negeri.



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

6 daripada 17

### 2. TUJUAN

2.1 Tujuan polisi ini dibangunkan adalah:

- 2.1.1 Untuk memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh bertanggungjawab dan mengikut prosedur dalam.
- 2.1.2 Untuk menangani sesuatu pendedahan dengan pendekatan dan mengikut masa yang sesuai. Apabila hal-hal pendedahan sebegini ditangani, ianya akan diberi keutamaan mengikut sifat atau keseriusan salah laku atau risiko yang dilaporkan dan magnitud akibat atau kesan dari pendedahan ini.
- 2.1.3 Untuk melindungi Pemberi Maklumat daripada sebarang tindakan balas akibat daripada pendedahan yang dibuatnya dan melindungi maklumat peribadi beliau.
- 2.1.4 Untuk berlaku adil terhadap Pemberi Maklumat dan pesalah yang dilaporkan, Pemberi Maklumat akan diberitahu tentang status pendedahan beliau. Pesalah tersebut juga akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.

### 3. SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN

Pendedahan mengenai perkara-perkara berkaitan penyelewengan, salah laku amalan-amalan yang tidak sah dari segi peraturan dan undang-undang boleh dilakukan oleh warga JHEAIPP/bahagian di bawah JHEAIPP, orang awam (termasuk pemegang taruh JHEAIPP) dan penjawat awam bukan warga JHEAIPP/bahagian di bawah JHEAIPP.



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

7 daripada 17

### 4. APA YANG BOLEH DIDEBAHKAN

4.1 Sesuatu pendedahan ("Pendedahan") boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salah laku yang berikut oleh seseorang berkenaan urusan rasmi JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP:

4.1.1 Rasuah atau penipuan;

4.1.2 Kesalahan jenayah;

4.1.3 Salah guna wang atau harta JHEAIPP;

4.1.4 Kesalahan tatatertib;

4.1.5 Kesilapan pengurusan yang melampau dalam operasi JHEAIPP;

4.1.6 Ketirisan kewangan yang serius dalam JHEAIPP;

4.1.7 Satu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP atau orang awam atau keadaan persekitaran;

4.1.8 Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

4.1.9 Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesemua / mana-mana kesalahan di atas.

4.2 Kesalahan boleh berlaku semasa pelaksanaan urusan rasmi JHEAIPP atau di mana-mana tempat kerja, yakni di mana-mana tempat yang berkaitan dengan urusan rasmi JHEAIPP /warga JHEAIPP.

### 5. BILA DAN BAGAIMANA PENDEBAHAN DIBUAT

5.1 Pemberi Maklumat harus tampil dengan apa-apa maklumat sama ada secara lisan atau dokumen di mana, dengan niat baik dan berasaskan alasan yang munasabah, beliau percaya yang sesuatu kesalahan/salah laku dijangka berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku.



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

8 daripada 17

- 5.2 Pendedahan boleh dibuat oleh Pemberi Maklumat pada bila-bila masa selepas mendapat maklumat atau dokumen yang berkenaan.
- 5.3 Pendedahan boleh diterima daripada pelbagai sumber sebagai input kepada aduan contoh media massa, surat layang dan sebagainya.

## 6. PROSEDUR

- 6.1 Pada amnya, semua Pendedahan mengikut Polisi ini harus dibuat kepada Pegawai Penerima Maklumat (rujuk Carta Aliran di Jadual 1) iaitu pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Unit Integriti JHEAIPP yang telah dilantik secara rasmi oleh Pengarah JHEAIPP.
- 6.2 Pendedahan Awal
- 6.2.1 Satu Pendedahan boleh dibuat secara:
- (a) e-mel: [whistleblowing\\_jheaipp@penang.gov.my](mailto:whistleblowing_jheaipp@penang.gov.my);
  - (b) telefon: 04-684 7000 ; atau
  - (c) bersemuka
- 6.2.2 Bagi aduan yang dibuat secara bersemuka, Pegawai Penerima Maklumat akan menulis Pendedahan yang dibuat secara lisan tersebut dan Pemberi Maklumat akan mengesahkannya. Sejauh mana yang boleh dipraktikkan secara munasabah, Pendedahan tersebut akan dibuat di mana-mana tempat yang difikirkan bersesuaian dan selamat oleh Pegawai Penerima Maklumat.
- 6.2.3 Bagi Pendedahan yang dibuat secara e-mel, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan oleh Pegawai Penerima Maklumat SAHAJA.





## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

9 daripada 17

6.2.4 Satu Pendedahan harus mengandungi sekurang kurangnya:

- (a) Butiran Pemberi Maklumat seperti yang berikut:
  - i) Warga JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP:  
Nama, jawatan, alamat semasa dan nombor telefon untuk dihubungi.
  - ii) Bukan warga JHEAIPP:  
Nama, nama majikan/tempat bekerja, jawatan, alamat semasa dan nombor telefon untuk dihubungi.
- (b) Alasan munasabah untuk aduan termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan, contohnya, jenis kesalahan, tarikh, masa dan tempat berlaku kejadian dan identiti yang disyaki;
- (c) Maklumat-maklumat saksi (jika ada); dan
- (d) Maklumat atau dengan menunjukkan bukti dokumen (jika ada)

6.2.5 Pemberi Maklumat mungkin diminta untuk tampil secara bersemuka atau dihubungi (mengikut keadaan yang berseesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut sekiranya pendedahan yang diberikan olehnya perlu disiasat dengan lebih lanjut.

### 6.3 Penapisan dan Penilaian Awal Pendedahan

6.3.1 Pegawai Penerima Maklumat akan menapis dan menilai sesuatu maklumat/Pendedahan itu untuk memastikan sama ada maklumat



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

10 daripada 17

pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas serta berkaitan dengan kesalahan/salah laku dalam skop polisi ini.

- 6.3.2 Selanjutnya, Pegawai Penerima Maklumat akan menyediakan laporan awal untuk penilaian Jawatankuasa Integriti dan Siasatan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Pegawai Penerima Maklumat menerima maklumat/Pendedahan itu.
- 6.3.3 Satu pendedahan boleh dibuat secara terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Integriti dan Siasatan (JIDS) antara mana-mana dua situasi berikut:
- (a) Bila mana pendedahan itu melibatkan kesalahan/salah laku oleh Pegawai Penerima Maklumat; atau
  - (b) Bila mana Pendedahan itu tidak melibatkan Pegawai Penerima Maklumat tetapi Pemberi Maklumat percaya bahawa Pegawai Penerima Maklumat ada kepentingan peribadi dengan mana-mana orang yang terlibat dengan kesalahan/salah laku dalam pendedahan tersebut.
  - (c) Dalam mana-mana dua situasi di atas, Pengerusi JIDS boleh mengecualikan Pegawai Penerima Maklumat daripada mengendalikan pendedahan tersebut dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan bersesuaian dan layak sebagai Pegawai Penerima Maklumat Khas untuk mengendalikan pendedahan tersebut dan melindungi Pemberi Maklumat di bawah Polisi ini.
- 6.3.4 Sekiranya Pendedahan melibatkan Pengerusi JIDS, Pemberi Maklumat boleh menyalurkan maklumat kepada Pegawai Penerima Maklumat dan Pegawai Penerima Maklumat hendaklah terus menyalurkan maklumat/Pendedahan kepada Pengarah JHEAIPP, tanpa perlu merujuk kepada Pengerusi JIDS terlebih dahulu. Selanjutnya, Pengarah JHEAIPP bolehlah mengarahkan Pegawai Penerima Maklumat tersebut untuk terus mengambil tindakan sebagaimana peruntukan di



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

11 daripada 17

perenggan 6.3.2 dan 6.4 serta mengecualikan sepenuhnya Pengerusi JIDS dalam kesemua proses sehingga selesai.

### 6.4 Rujukan Kepada Pengarah

6.4.1 Pendedahan yang disertakan dengan laporan awal akan dirujuk kepada Pengarah.

6.4.2 Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) Pendedahan ditolak kerana tidak berasas, maklumat palsu atau maklumat tidak mencukupi;
- (b) Pendedahan dipertimbangkan untuk diambil tindakan di bawah mana-mana prosedur dalaman lain yang difikirkan bersesuaian;
- (c) Penyelesaian/keputusan berdasarkan laporan awal oleh Pegawai Penerima Maklumat tanpa perlu untuk satu penyiasatan lanjut;
- (d) Mengarahkan suatu penyiasatan lanjut ke atas Pendedahan tersebut;
- (e) Rujukan kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan/mana-mana agensi di bawah JHEAIPP (referral policy). Bagi pertimbangan di bawah perenggan ini:
  - i) sekiranya Pengarah berpuas hati dan memutuskan maklumat/Pendedahan yang diterima adalah terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah, Pengarah hendaklah merujuk Pendedahan tersebut dan segala maklumat yang berkaitan kepada manamana pihak berkuasa yang sewajarnya, sebagai



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

12 daripada 17

contoh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain; atau

ii) sekiranya Pengarah berpuas hati maklumat/Pendedahan yang diterima berkaitan agensi di bawah JHEAIPP wajar dikendalikan oleh agensi berkenaan dan pengadu akan dilindungi sepenuhnya di bawah Polisi ini dan/atau turut dilindungi di bawah polisi perlindungan pemberi maklumat agensi berkenaan atau Akta 711 bersesuaian dan selaras dengan fungsi dan kuasa agensi tersebut.

iii) Lain-lain tindakan yang difikirkan wajar dan bersesuaian oleh Pengarah. Contohnya keputusan berhubung maklumat/Pendedahan yang melibatkan pengurusan tertinggi JHEAIPP.

6.4.3 Sekiranya pendedahan melibatkan Pengarah, Pegawai Penerima Maklumat harus menasihati pengadu untuk memanjangkan aduan ke Unit Integriti SUK Pulau Pinang.

6.5 Proses Siasatan dan Keputusan Pendedahan oleh Pemberi Maklumat.

6.5.1 Pemberi Maklumat dan orang yang terlibat dalam Pendedahan tersebut hendaklah diminta untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut polisi ini untuk menyempurnakan proses pencarian fakta bagi membantu Pengarah dalam proses untuk membuat keputusan.

6.5.2 Pemberi Maklumat juga bolehlah dimaklumkan akan tindakan yang telah diambil dan status Pendedahan yang telah dibuat.



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

13 daripada 17

### 7. PERLINDUNGAN

#### 7.1 Warga JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP

Setelah membuat Pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut Polisi ini:

- (a) Pemberi Maklumat akan dilindungi daripada tindak balas dalaman JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya; dan
- (b) Satu tindakan balas dalaman bermaksud Langkah-langkah disiplin, penurunan jawatan, pertukaran penempatan penilaian prestasi tahunan, penggantungan atau penamatan perkhidmatan (tetap/kontrak/semestara/sambilan) dari JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP atau ancaman untuk melakukan mana-mana tindakan-tindakan ini.
- (c) Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat akan dilindungi dan diklasifikasikan sebagai "Rahsia".
- (d) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.
- (e) Pemberi maklumat akan diberikan perlindungan senagaimana yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Maklumat 2010 (Akta 711) iaitu:
  - Melindungi maklumat sulit;
  - Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
  - Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

14 daripada 17

- (f) Jika seseorang warga JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP telah menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut kepada Pengerusi JIDS/Pegawai Penerima Maklumat dan Pengerusi JIDS/Pegawai Penerima Maklumat hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada Pengarah bagi membolehkan Pengarah mempertimbangkan dan memutuskan apa-apa remedi yang wajar dan bersesuaian terhadap Pemberi Maklumat.

### 7.2 Orang awam (termasuk pemegang taruh JHEAIPP)

Setelah membuat pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut Polisi ini:

- (a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai "Rahsia".
- (b) Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.

### 7.3 Mana-mana peniawat awam (bukan warga JHEAIPP /bahagian di bawah JHEAIPP)

Setelah membuat Pendedahan dengan niat baik, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut prosedur Polisi ini:



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

15 daripada 17

- (a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai "Rahsia"
- (b) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses atas dasar "perlu tahu" sahaja.

### **RUJUKAN**

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993  
[P.U.(A) 395/1993]

Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010  
(Akta 711), Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri  
bertarikh 21 Mac 2011

Polisi Pemberi dan Penerima Maklumat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

### JADUAL 1

Tarikh: 1 Januari 2023

Keluaran: 01

Pindaan: 00

**DOKUMEN KAWALAN**




JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

16 daripada 17

**CARTA ALIRAN PROSEDUR MENGURUS PENDEDAHAN DI BAWAH  
POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT JHEAIPP**



Tarikh: 1 Januari 2023

Keluaran: 01

Pindaan: 00

**DOKUMEN KAWALAN**






JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

JHEAIPP.PP. PWB-09

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI  
MAKLUMAT

17 daripada 17



# LAMPIRAN



## BORANG JAWATANKUASA MENILAI ADUAN (JMA)

No. Fail Jabatan : .....  
No. Maklumat : .....  
Tarikh Maklumat Diterima : .....

### Ringkasan Aduan / Maklumat :

### Kaedah Penerimaan Aduan / Maklumat :

e-Integriti	<input type="checkbox"/>	e-Pintas	<input type="checkbox"/>	Emel	<input type="checkbox"/>
Agensi Penguatkuasaan	<input type="checkbox"/>	Agensi Kerajaan	<input type="checkbox"/>	Agensi Swasta	<input type="checkbox"/>
Pengadu datang sendiri	<input type="checkbox"/>	Surat Rasmi	<input type="checkbox"/>	Surat Layang	<input type="checkbox"/>
Pegawai Unit Integriti (Telefon / Borang Aduan)	<input type="checkbox"/>				

### Ringkasan Aduan / Maklumat :

Rasuah	<input type="checkbox"/>	Berunsur jenayah selain rasuah	<input type="checkbox"/>	Percanggahan kepentingan	<input type="checkbox"/>
Tatakelakuan	<input type="checkbox"/>	Salah guna kuasa	<input type="checkbox"/>	Tuntutan palsu	<input type="checkbox"/>

### SYOR JAWATANKUASA MENILAI ADUAN (JMA) :

.....  
Pengerusi JK Integriti dan Siasatan

.....  
JK Integriti dan Siasatan

### KEPUTUSAN PENGARAH JHEAIPP :

DILULUSKAN

TIDAK DILULUSKAN

Ulasan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

.....  
PENGARAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG